

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 41

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH LEMBAGA TABUNG AMANAH PEKERJA, 2016

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA TABUNG AMANAH PEKERJA

3. Penubuhan Lembaga
4. Meterai biasa
5. Lembaga Pengarah
6. Pengarah Urusan
7. Arahan Menteri
8. Pewakilan kuasa
9. Jawatankuasa
10. Penggajian kakitangan

BAHAGIAN III

TUGAS DAN KUASA

11. Penubuhan Dana
12. Tugas dan kewajipan Lembaga
13. Kuasa Lembaga

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

14. Tahun kewangan
15. Penyata akaun dan kewangan
16. Perbelanjaan
17. Audit
18. Kuasa juruaudit
19. Laporan tahunan

BAHAGIAN V

AM

20. Perlindungan daripada liabiliti diri
21. Kakitangan kerajaan
22. Pindaan Jadual
23. Peraturan-peraturan
24. Pemindahan tugas, harta dll.
25. Peralihan
26. Perkecualian
27. Pindaan berbangkit dan berkaitan kepada undang-undang bertulis lain

JADUAL PERTAMA	—	PENUBUHAN DAN PROSIDING LEMBAGA PENGARAH
JADUAL KEDUA	—	SENARAI UNDANG-UNDANG BERTULIS
JADUAL KETIGA	—	PEMINDAHAN TUGAS, HARTA DLL. KEPADA LEMBAGA
JADUAL KEEMPAT	—	PINDAAN BERBANGKIT DAN BERKAITAN KEPADA UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH LEMBAGA TABUNG AMANAH PEKERJA, 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Lembaga Tabung Amanah Pekerja, 2016 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb April 2014.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Tabung Amanah Pekerja dan untuk mengadakan peruntukan bagi semua perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya".

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkchendakkan makna yang lain —

"Lembaga" bermakna Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 3;

"Lembaga Pengarah" bermakna Lembaga Pengarah yang disebut dalam bab 5;

"Pengerusi" bermakna Pengerusi Lembaga Pengarah yang disebut dalam bab 5(2)(a);

"jawatankuasa" bermakna suatu jawatankuasa yang dilantik di bawah bab 9(1);

"Timbalan Pengerusi" bermakna Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah yang disebut dalam bab 5(2)(b);

"Dana" bermakna Dana Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 11;

“Pengarah Urusan” bermakna Pengarah Urusan yang dilantik di bawah bab 5(3);

“ahli” bermakna seorang ahli Lembaga Pengarah yang disebut dalam bab 5(2);

“Menteri” bermakna Menteri Kewangan.

BAHAGIAN II

LEMBAGA TABUNG AMANAH PEKERJA

Penubuhan Lembaga

3. Dengan ini ditubuhkan suatu lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang akan menjadi suatu badan korporat yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan, dengan nama itu, boleh –

(a) mendakwa dan didakwa;

(b) memperoleh, memiliki, memegang, membangunkan atau melupuskan harta, baik harta alih maupun harta tak alih; dan

(c) melakukan segala perbuatan atau perkara lain sebagaimana yang mungkin dilakukan secara sah oleh suatu badan korporat.

Meterai biasa

4. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai biasa dan meterai itu boleh ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Segala surat ikatan dan dokumen lain yang menghendaki meterai Lembaga hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Lembaga.

(3) Segala instrumen yang dibubuh dengan meterai biasa hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang ahli yang diberi kuasa pada amnya atau khasnya oleh Lembaga bagi tujuan itu.

(4) Lembaga boleh, dengan ketetapan atau pun selainnya secara bertulis, melantik seorang pegawai Lembaga atau mana-mana orang lain sama ada pada amnya atau dalam sebarang hal tertentu untuk melaksanakan atau menandatangani bagi pihak Lembaga mana-mana perjanjian atau instrumen lain yang tidak dimeterai berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah kuasa Lembaga.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(5) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman ke atas meterai biasa Lembaga yang dibubuh pada mana-mana dokumen dan hendaklah menganggap bahawa ia telah sempurna dibubuh.

Lembaga Pengarah

5. (1) Maka hendaklah ada Lembaga Pengarah yang akan bertanggungjawab bagi dasar dan pentadbiran am hal ehwal dan urusan Lembaga.

(2) Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) seorang Pengerusi;

(b) tidak lebih daripada dua orang Timbalan Pengerusi;

(c) sebilangan pengarah lain, yang dari bilangan tersebut tidak kurang daripada lima orang adalah wakil-wakil Kerajaan,

sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik salah seorang pengarah menjadi Pengarah Urusan.

(4) Jadual Pertama hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan Lembaga, ahli-ahli dan prosidingnya.

Pengarah Urusan

6. (1) Pengarah Urusan hendaklah diamanahkan dengan pentadbiran harian Lembaga dan Dana, penyediaan program, skim atau projek untuk pertimbangan Lembaga dan pelaksanaan keputusan Lembaga.

(2) Pengarah Urusan hendaklah seorang pekerja Lembaga atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Pengarah Urusan hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah bagi perbuatan dan keputusannya.

Arahan Menteri

7. (1) Menteri boleh memberikan arahan kepada Lembaga secara bertulis, yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

sebagaimana yang difikirkannya patut, tentang penjalanan apa-apa kuasa atau pelaksanaan apa-apa tugas yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Perintah ini, dan Lembaga hendaklah melaksanakan apa-apa arahan itu.

(2) Lembaga hendaklah memberikan kepada Menteri maklumat berkenaan dengan hartanya, penjalanan kuasa-kuasanya dan pelaksanaan tugas-tugasnya sebagaimana yang mungkin dikehendakinya.

Pewakilan kuasa

8. (1) Lembaga Pengarah boleh, berkaitan dengan sesuatu perkara atau jenis perkara tertentu, secara bertulis, mewakilkan kepada mana-mana orang atau jawatankuasa Lembaga Pengarah penjalanan apa-apa kuasa atau pelaksanaan apa-apa tugas yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Perintah ini, kecuali kuasa untuk mewakilkan yang diberikan oleh bab ini.

(2) Suatu pewakilan di bawah ceraian (1) boleh —

(a) tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga Pengarah dalam instrumen pewakilan; dan

(b) dibatalkan atau diubah oleh suatu perintah kemudiannya yang dibuat mengikut cara yang sama.

(3) Lembaga Pengarah boleh terus menjalankan apa-apa kuasa dan melaksanakan apa-apa tugas yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Perintah ini walaupun kuasa atau tugas tersebut diwakilkan olehnya.

Jawatankuasa

9. (1) Lembaga Pengarah boleh, atas budi bicaranya, melantik jawatankuasa-jawatankuasa yang terdiri daripada orang yang merupakan ahli atau pun selainnya, bagi maksud-maksud yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, akan dikawal selia dan diurus dengan lebih baik lagi oleh jawatankuasa-jawatankuasa itu.

(2) Lembaga Pengarah boleh menentukan atau mengubah bidang tugas jawatankuasa-jawatankuasa itu.

(3) Tertakluk kepada Perintah ini dan kawalan Lembaga Pengarah, setiap jawatankuasa boleh mengawal selia prosedurnya mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh jawatankuasa itu.

Penggajian kakitangan

10. Lembaga boleh melantik dan menggaji bagi tempoh jawatan dan atas syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga

pegawai, pekerja dan konsultan lain sebagaimana mungkin perlu bagi pelaksanaan tugas-tugasnya dengan berkesan.

BAHAGIAN III

TUGAS DAN KUASA

Penubuhan Dana

11. Bagi maksud-maksud Perintah ini, maka hendaklah ditubuhkan suatu dana yang dikenali sebagai Dana Tabung Amanah Pekerja yang akan dibayar ke dalamnya semua caruman kepada amanah yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan yang daripadanya akan dibayar semua pembayaran yang dibenarkan untuk dibayar di bawah undang-undang bertulis tersebut.

Tugas dan kewajipan Lembaga

12. (1) Lembaga adalah pemegang amanah Dana dan semua wang Dana boleh —

(a) didepositkan dalam sebuah bank atau bank-bank yang dibenarkan oleh Lembaga;

(b) dilaburkan dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh Kerajaan bagi pelaburan wang amanah dan Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menukarannya ke dalam wang tunai; atau

(c) digunakan untuk membeli apa-apa harta dan untuk membina bangunan bagi maksud-maksud Lembaga dan menyewakan bangunan itu atau sebahagiannya bagi maksud-maksud untuk memperolehi pendapatan daripadanya dan Lembaga boleh melupuskan semua atau mana-mana bahagian harta dan bangunan itu.

(2) Lembaga hendaklah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan pada amnya undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang dikenakan kepada Lembaga oleh undang-undang bertulis tersebut.

(3) Lembaga boleh membenarkan mana-mana orang untuk membantu Lembaga dalam menjalankan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, sama ada pada amnya atau dalam hal tertentu.

Kuasa Lembaga

13. (1) Tertakluk kepada Perintah ini, Lembaga boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang pada pendapat Lembaga adalah berfaedah, perlu atau sesuai baginya untuk menjalankan, bagi atau berhubung dengan, pelaksanaan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini.

(2) Lembaga hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya yang dinyatakan dalam Perintah ini, menjalankan semua kuasa yang diberikan atau dikenakan kepada Lembaga di bawah undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

Tahun kewangan

14. Tahun kewangan Dana hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

Penyata akaun dan kewangan

15. (1) Lembaga hendaklah menyimpan akaun dan rekod yang sepatutnya mengenai transaksi dan hal ehwalnya dan hendaklah melakukan semua perkara yang perlu untuk memastikan bahawa semua pembayaran dari wangnya dibuat dengan betul dan dibenarkan dengan sepatutnya dan bahawa kawalan yang mencukupi diselenggarakan ke atas aset, atau dalam jagaan, Lembaga dan ke atas perbelanjaan yang dilakukan olehnya.

(2) Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penutup setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya penyata kewangan bagi tahun itu disediakan dan dikemukakan kepada juruaudit Lembaga.

Perbelanjaan

16. Semua perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga termasuk kos mengaudit akaun amanah yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dibiayai daripada wang Dana.

Audit

17. (1) Akaun Dana hendaklah diaudit sekurang-kurang sekali pada setiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah dibenarkan melaksanakan kewajipan kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada setiap tahun oleh Lembaga;

Dengan syarat bahawa jika akaun Dana telah diaudit oleh orang yang dilantik di bawah ceraian (1)(b), laporan yang dikemukakan di bawah ceraian itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum ia dikemukakan kepada Lembaga.

(2) Juruaudit itu hendaklah dalam laporannya menyatakan --

(a) sama ada penyata kewangan itu menunjukkan dengan saksama transaksi kewangan dan keadaan hal ehwal Lembaga;

(b) sama ada rekod perakaunan yang sepatutnya dan rekod lain telah disimpan, termasuk rekod semua aset Lembaga sama ada dibeli atau pun selainnya;

(c) sama ada wang masuk, perbelanjaan dan pelaburan wang dan pemerolehan dan pelupusan aset oleh Lembaga dalam tahun kewangan adalah menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini; dan

(d) perkara lain yang timbul dari audit sebagaimana yang dianggapnya perlu.

Kuasa juruaudit

18. (1) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang dibenarkan olehnya adalah pada setiap masa yang munasabah berhak mendapat akses penuh dan bebas kepada semua rekod perakaunan dan rekod lain berkenaan dengan, secara langsung atau tidak langsung, transaksi kewangan Lembaga.

(2) Juruaudit itu atau orang yang dibenarkan olehnya boleh membuat salinan, atau membuat cabutan dari, mana-mana rekod perakaunan dan rekod lain tersebut.

(3) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang dibenarkan olehnya boleh menghendaki mana-mana orang supaya memberikan kepadanya maklumat yang dimiliki atau dapat diakses oleh orang itu sebagaimana yang dianggap perlu oleh juruaudit itu atau mana-mana orang yang telah dibenarkan bagi maksud tugas-tugas juruaudit itu di bawah Perintah ini.

Laporan tahunan

19. Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung setiap tahun kewangan, mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tahunan

mengenai aktiviti-aktiviti Lembaga dalam tahun kewangan yang terdahulu, dan Menteri hendaklah menyebabkan supaya satu salinan setiap laporan tahunan itu dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

BAHAGIAN V

AM

Perlindungan daripada liabiliti diri

20. Tiada guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dikemukakan terhadap mana-mana ahli, pegawai atau pekerja Lembaga atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahan Lembaga yang dilakukan dengan suci hati atau dimaksudkan hendak dilakukan pada melaksanakan atau dikatakan pada melaksanakan Perintah ini atau undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Kakitangan kerajaan

21. Semua ahli, pegawai dan pekerja Lembaga hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Pindaan Jadual

22. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual-Jadual.

Peraturan-peraturan

23. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau bolch ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan itu boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu atau mustahak oleh Menteri.

Pemindahan tugas, harta dll.

24. Peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga hendaklah berkuat kuasa bagi tujuan pemindahan kepada Lembaga tugas-tugas, harta dan bagi maksud peralihan lain yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Peralihan

25. Pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini --

(a) Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggal 167) hendaklah dikenali sebagai Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 3;

(b) Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggal 167) hendaklah dikenali sebagai Dana Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 11.

Perkecualian

26. (1) Pengarah Urusan yang dilantik di bawah bab 3A dari Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggal 167) sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah dianggap bagi maksud-maksud Perintah ini telah dilantik sebagai Pengarah Urusan pada permulaan kuat kuasa Perintah ini.

(2) Ahli-ahli Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang dilantik di bawah bab 4(2) dari Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggal 167) sejurus sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah dianggap bagi maksud-maksud Perintah ini telah dilantik sebagai ahli Lembaga Tabung Amanah Pekerja pada permulaan kuat kuasa Perintah ini.

Pindaan berbangkit dan berkaitan kepada undang-undang bertulis lain

27. Peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis lain yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Keempat adalah dipinda mengikut cara yang dinyatakan dalam ruang kedua.

JADUAL PERTAMA
(bab 5(4))

PENUBUHAN DAN PROSIDING LEMBAGA PENGARAH

Terma dan syarat jawatan

1. Lantikan ahli-ahli termasuk Pengurus dan Timbalan Pengurus boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tetapi mereka hendaklah, melainkan jika lantikan mereka dibatalkan demikian atau mereka sementara itu meletakkan jawatan, memegang jawatan bagi tempoh selama 2 tahun atau bagi tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang mungkin dalam setiap hal ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan:

Dengan syarat bahawa tempoh 2 tahun itu tidak dikenakan kepada Pengarah Urusan.

Masa, tempat dan *kuorum* mesyuarat

2. (1) Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setahun pada masa dan di tempat sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Dalam setiap mesyuarat Lembaga Pengarah, *kuorum* Lembaga Pengarah hendaklah lima orang.

(3) Keputusan dalam suatu mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah diterima mengikut kelebihan ahli-ahli yang hadir dan mengundi kecuali, sekiranya terdapat persamaan undi, Pengerusi mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Lembaga Pengarah boleh menjemput atau meminta mana-mana orang, yang bukan seorang ahli, untuk menghadiri suatu mesyuarat Lembaga Pengarah bagi maksud memberi nasihat kepada Lembaga mengenai apa-apa perkara.

Mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah

3. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga Pengarah yang dihadirinya.

(2) Pengerusi atau semasa ketiadaannya, salah seorang Timbalan Pengerusi, yang akan dilantik olehnya, hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah.

Menjalankan urusan

4. (1) Lembaga Pengarah boleh menjalankan urusannya dan mengawal selia prosedurnya sendiri, termasuk mesyuaratnya, dengan cara yang dianggapnya bersesuaian.

(2) Lembaga Pengarah hendaklah menyebabkan supaya rekod yang sepatutnya mengenai prosidingnya disimpan.

Pembatalan kelayakan daripada menjadi ahli

5. Tiada seorang pun layak dilantik atau terus menjadi seorang ahli jika dia —

(a) tidak sempurna akal atau pun selainnya tidak berupaya melaksanakan kewajipan-kewajipannya;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(b) telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan fraud, ketidakjujuran atau keburukan akhlak; atau

(c) seorang bankrap yang belum dilepaskan atau telah membuat suatu penyusunan dengan peniutang-pemiutangnya.

Pengosongan jawatan

6. Kerusi seorang ahli hendaklah menjadi kosong —

(a) apabila dia mati;

(b) jika dia dibatalkan kelayakannya dengan apa jua cara daripada menjadi ahli Lembaga Pengarab;

(c) jika dia meletakkan jawatannya; atau

(d) jika lantikannya dibatalkan.

JADUAL KEDUA

(bab-bab 11, 12(2) dan (3), 13(2), 16 dan 20)

SENARAI UNDANG-UNDANG BERTULIS

Akta Amanah Pekerja (Penggal 167)

Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010)

JADUAL KETIGA

(bab 24)

PEMINDAHAN TUGAS, HARTA DLL. KEPADA LEMBAGA

Pembubaran Lembaga Pencen Caruman Tambahan

1. Pada 1hb April 2014, Lembaga Pencen Caruman Tambahan hendaklah dibubarkan.

Kuasa Lembaga untuk menjalankan tugas dan kuasa di bawah S 38/2010

2. (1) Pada 1hb April 2014, Lembaga hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya yang dinyatakan dalam Akta ini, menjalankan segala kuasa dan melaksanakan segala tugas dan kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepada Lembaga Pencen Caruman Tambahan di bawah Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010).

(2) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa di bawah Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010) sebelum 1hb April 2014 hendaklah dianggap sebagai suatu keputusan oleh Lembaga.

(3) Apa-apa kebenaran, persetujuan, kelulusan atau pemberian kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa di bawah Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010) sebelum 1hb April 2014 hendaklah, setakat mana ia tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan Perintah ini, dianggap sebagai kebenaran, persetujuan, kelulusan atau pemberian kuasa yang diberikan oleh Lembaga.

(4) Apa-apa sijil, notis, perintah, arahan atau perisyntiharhan yang dikeluarkan atau dibuat oleh Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa di bawah Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010) sebelum 1hb April 2014 hendaklah dianggap sebagai sijil, notis, perintah, arahan atau perisyntiharhan yang dikeluarkan atau dibuat oleh Lembaga atau seorang pegawai Lembaga.

(5) Jika dalam mana-mana dokumen yang dibuat sebelum 1hb April 2014 berhubung dengan atau berkaitan dengan Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010), sebarang sebutan dibuat kepada Lembaga Pencen Caruman Tambahan, sebutan itu hendaklah, mulai dari 1hb April 2014, dibaca sebagai Lembaga Tabung Amanah Pekerja.

Pemindahan harta, aset dan liabiliti

3. (1) Pada 1hb April 2014, semua harta yang terletak hak pada Lembaga Pencen Caruman Tambahan dan semua aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti dan obligasi Lembaga Pencen Caruman Tambahan hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga tanpa jaminan lanjut.

(2) Jika sebarang persoalan timbul tentang sama ada apa-apa harta, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti atau obligasi tertentu telah dipindahkan kepada atau terletak hak pada Lembaga di bawah perenggan kecil (1), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad bahawa harta, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti atau obligasi itu dipindahkan atau terletak hak demikian atau tidak dipindahkan atau terletak hak demikian.

Pemindahan pekerja

4. (1) Pada 1hb April 2014, semua orang yang diambil bekerja sejurus sebelum tarikh itu oleh Lembaga Pencen Caruman Tambahan hendaklah dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga atas terma-terma yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma yang dinikmati oleh mereka sejurus sebelum pemindahan mereka.

(2) Sehingga masa skim dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan itu disediakan oleh Lembaga, skim dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan dalam Lembaga Pencen Caruman Tambahan hendaklah terus dikenakan kepada tiap-tiap orang yang dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga di bawah perenggan kecil (1) seolah-olah dia masih dalam perkhidmatan Lembaga Pencen Caruman Tambahan.

Kontrak, perjanjian dll. yang ada

5. Segala kontrak, surat ikatan, bon, perjanjian, instrumen dan penyusunan kerja yang ada sejurus sebelum 1hb April 2014 yang Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, adalah suatu pihak kepadanya dan berkaitan dengan –

/a/ apa-apa harta, aset, hak, kepentingan, keistimewaan, liabiliti atau obligasi yang dipindahkan kepada atau terletak hak pada Lembaga di bawah perenggan 3(1); atau

/b/ mana-mana pekerja Lembaga Pencen Caruman Tambahan yang dipindahkan ke perkhidmatan Lembaga di bawah perenggan 4(1), hendaklah terus berkuat kuasa pada dan selepas tarikh itu dan boleh dikuatkuasakan oleh atau terhadap Lembaga seolah-olah, sebagai ganti Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau orang yang bertindak bagi pihak Lembaga Pencen Caruman Tambahan, Lembaga telah dinamakan di dalamnya atau adalah suatu pihak kepadanya.

Prosiding belum selesai

6. Apa-apa prosiding atau alasan tindakan yang belum selesai atau wujud sejurus sebelum 1hb April 2014 oleh atau terhadap Lembaga Pencen Caruman Tambahan atau mana-mana orang bertindak bagi pihak Lembaga Pencen Caruman Tambahan boleh diteruskan dan hendaklah dikuatkuasakan oleh atau terhadap Lembaga.

JADUAL KEEMPAT (bab 27)

PINDAAN BERBANGKIT DAN BERKAITAN KEPADА UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

RUANG PERTAMA

RUANG KEDUA

- i. Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggal 167)

Gelaran panjang Potong “dan memperbadankan Lembaga Tabung Amanah Pekerja,” dan gantikan dengan “Amanah Pekerja”.

Bab 1 Potong “Tabung Amanah Pekerja” dan gantikan dengan “Amanah Pekerja”.

Bab 2 Potong takrifan-takrifan “tabung yang diluluskan”, “Pengerusi”, “Timbalan Pengerusi” dan “Pengarah Urusan”.

Potong takrifan “Lembaga” dan gantikan dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Lembaga” bermakna Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 3 dari Perintah Lembaga Tabung Amanah Pekerja, 2016;”.

Potong takrifan “Ketua Eksekutif”.

Potong takrifan “Tabung” dan gantikan dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Dana” bermakna Dana Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 11 dari Perintah Lembaga Tabung Amanah Pekerja, 2016;”.

Potong takrifan “ahli-ahli Tabung” atau “ahli-ahli” dan gantikan dengan takrifan baru yang berikut —

JADUAL KEEMPAT – *Sambungan*

“ “ahli” bermakna seorang ahli Amanah yang dalam kreditnya sebarang amaun masih ada dalam Amanah;”.

Masukkan sejurus selepas takrifan “akaun biasa” takrifan baru yang berikut —

“ “Amanah” bermakna Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 6(1);”.

Potong takrifan “gaji” dan gantikan dengan takrifan baru yang berikut —

“ “gaji” bermakna ganjaran wang yang kena dibayar kepada seorang pekerja berkaitan dengan pekerjaannya sama ada dipersetujui untuk dibayar pada setiap bulan, minggu, hari atau pun selainnya dan termasuk apa-apa bonus, komisen atau elaun yang kena dibayar oleh majikan sama ada bonus, komisen atau elaun itu kena dibayar di bawah kontrak perkhidmatan, perantisan atau perjanjiannya atau pun selainnya, tetapi tidak termasuk —

- (a) nilai mana-mana rumah tempat tinggal atau pembekalan apa-apa makanan, bahan api, lampu atau air atau rawatan perubatan, atau sebarang kemudahan atau perkhidmatan;
- (b) sebarang caruman yang dibayar oleh majikan bagi pihaknya sendiri kepada mana-mana tabung penceن atau tabung simpanan;
- (c) sebarang elaun perjalanan atau nilai sebarang konsesi perjalanan;
- (d) sebarang jumlah wang yang kena dibayar kepada pekerja itu untuk membayar perbelanjaan khas yang dikenakan kepadanya menurut jenis pekerjaannya;
- (e) sebarang baksis yang kena dibayar apabila diberhentikan kerja atau bersara;
- (f) bayaran perkhidmatan;

JADUAL KEEMPAT – *Sambungan*

	(g) manfaat lebih masa;
	(h) manfaat pemberhentian, pembuangan kerja atau penamatkan; atau
	(i) ganjaran atau bayaran lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam <i>Warta Kerajaan</i> .”.
Bab 3	Mansuhkan bab 3.
Bab 3A	Mansuhkan bab 3A.
Bab 4	Mansuhkan bab 4.
Bab 5A	Mansuhkan bab 5A.
Bab 5D	Potong “Ketua Eksekutif” dan gantikan dengan “Pengarah Urusan” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam bab itu.
Bab 6 (nota tepi)	Potong “Tabung Amanah Pekerja” dan gantikan dengan “Amanah Pekerja”.
Bab 6(1)	Potong “tabung yang digelar Tabung Amanah Pekerja (Employee Trust Fund)” dan gantikan dengan “amanah yang dikenali sebagai Amanah Pekerja”.
Bab 6(2)	Potong ceraian (2).
Bab 6(3)	Potong ceraian (3).
Bab 6(5)	Potong “Tabung” dari baris kedua dan gantikan dengan “Amanah”.
Bab 12	Mansuhkan bab 12.
Bab 13	Mansuhkan bab 13.
Bab 14	Potong “Tabung” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam bab itu (kecuali dalam nota tepi dan dalam baris akhir bab 14(1)) dan gantikan dengan “Amanah”.
Bab 14(1)	Potong “ditetapkan” dan gantikan dengan “ditentukan oleh Lembaga”.
Bab 31B(1)	Potong “tabung” dari baris akhir dan gantikan dengan “Amanah”.

JADUAL KEEMPAT – *Sambungan*

Bab 32A	Mansuhkan bab 32A.
Bab 34	Mansuhkan bab 34.
Bab 35	Mansuhkan bab 35.
Bab 36	Potong “Tabung” dari baris akhir kedua dan gantikan dengan “Amanah”.
Bab 38(2)	Masukkan sejurus selepas perenggan <i>(jj)</i> perenggan baru yang berikut — “(ja) untuk menetapkan bayaran;”.
Semua bab yang berkenaan	Potong “Tabung” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Akta itu (kecuali sebutan kepada “Consolidated Fund”, “tabung pencen” dan “tabung simpanan”) dan gantikan dengan “Amanah”.
	Potong “ahli Tabung” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Akta itu dan gantikan dengan “ahli”.
2. Perintah Tabung Amanah Pekerja (Takrifan Pekerja)	
Jadual	Potong butiran <i>(c)</i> .
3. Aturan-Aturan Tabung Amanah Pekerja, 1999 (S 10/1999)	
Aturan 10(2)	Potong “Tabung Amanah Pekerja” dari dua baris akhir.
Aturan 24	Potong “Tabung” dari baris ketiga dan keempat dan gantikan dengan “Amanah”.
4. Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/2010)	
Bab 1(1)	Masukkan “Amanah” sejurus sebelum “Pencen”.
Bab 1(2)	Potong “Tabung” dari baris akhir kedua
Bab 2	Potong takrifan “Lembaga” dan gantikan dengan takrifan baru yang berikut — “Lembaga” bermakna Lembaga Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 3 dari Perintah Lembaga Tabung Amanah Pekerja, 2016.”.

JADUAL KEEMPAT – *Sambungan*

Potong takrifan “Tabung” dan gantikan dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Dana” bermakna Dana Tabung Amanah Pekerja yang ditubuhkan di bawah bab 11 dari Perintah Lembaga Tabung Amanah Pekerja 2016;”.

Potong takrifan “ahli Tabung” dan gantikan dengan takrifan baru yang berikut —

“ “ahli” bermakna seorang ahli Amanah yang dalam kreditnya sebarang amaun masih ada dalam Amanah dan termasuk seseorang yang bekerja sendiri yang membuat caruman kepada Amanah secara sukarela di bawah bab 9;”.

Potong takrifan “ahli SCP”;

Bab 3A	Mansuhkan 3A.
Bab 5	Mansuhkan 5.
Bab 7 (tajuk bab)	Potong “Tabung”.
Bab 7(1)	Potong “tabung yang dipanggil Tabung Amanah Pencen Caruman Tambahan” dan gantikan dengan “amanah yang dikenali sebagai Amanah Pencen Caruman Tambahan”.
Bab 7(2)	Potong ceraian (2).
Bab 7(3)	Potong ceraian (3).
Bab 7(10)	Potong “Tabung” dari baris pertama dan gantikan dengan “Amanah”.
Bab 12	Potong “10” dari baris kedua dan gantikan dengan “8”.
Bab 14	Mansuhkan bab 14.
Bab 15	Mansuhkan bab 15.
Bab 16	Potong “Tabung” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam bab itu (kecuali dalam tajuk bab dan dalam baris kedua bab 16(1)) dan gantikan dengan “Amanah”.

JADUAL KEEMPAT – *Sambungan*

Bab 16(1)	Potong “ditetapkan” dan gantikan dengan “ditentukan”.
Semua bab yang berkenaan	Potong “Tabung” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu (kecuali sebutan kepada “tabung perlindungan keberterusan”, “tabung perlindungan”, “tabung pencegahan”, “tabung simpanan” dan “Consolidated Fund”) dan gantikan dengan “Amanah”.
	Potong “ahli Tabung” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan gantikan dengan “ahli”.
	Potong “ahli SCP” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan gantikan dengan “ahli”.
5. Aturan-Aturan Pencen Caruman Tambahan, 2009 [S 59/2009]	
Aturan 1	Masukkan “Amanah” sejurus sebelum “Pencegahan” dalam baris pertama.
BAHAGIAN VII	Potong “TABUNG” dan gantikan dengan “AMANAH”.

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 11 haribulan Januari, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM